

ASPEK TEMA DALAM PENULISAN SKRIP *SOAL HATI, SOALNYA SIAPA?* DAN  
*QAISY & LAILA* : KAJIAN TERHADAP PENULIS SKRIP HABSAB HASSAN

NARUL ZATUL AKMAR BINTI DAGANG

SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN

PENULISAN SENI LAYAR (kep),

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA.

2006

## PENGAKUAN

Saya mengakui kajian ini adalah hasil dari kerja saya sendiri kecuali pendapat-pendapat dan kajian –kajian yang setiap satunya telah saya maklumkan sumbernya.

23 NOVEMBER 2006      NARUL ZATUL AKMAR BINTI DAGANG  
2003334755

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnianya memberikan saya kekuatan dan semangat untuk menyiapkan dan menyempurnakan kajian ini sehingga dapat diselesaikan. Jutaan terima kasih buat penyelia Encik Aidi Rahimi bin Haji Ibrahim di atas bimbingan dan segala tunjuk ajar sepanjang kajian ini dilaksanakan. Sekuntum pujian buat penulis skrip Habsah Hassan di atas kerjasama yang diberikan. Segugus penghargaan buat pensyarah-pensyarah yang telah menurunkan ilmu pengetahuan yang berguna sewaktu saya menuntut di Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik ini terutama Encik Norman.

Seharum kasih buat mak, Masinah binti Subari kerana tidak pernah putus-putus memberikan dorongan dan sejalur kasih sayang dalam meneruskan perjuangan ini. Sejambak sayang untuk abah Dagang bin Salleh, tidak termampu diriku ini membalas jasa dan pengorbananmu selama pengajianku di UiTM ini. Setulus jiwa buat anak yang tersayang Muhammad Abdul Salam bin Fadhal Illahi, ibu akan terus berjuang demi sebuah kehidupan dan masa depan selagi nyawa di kandung badan. Kerinduan di kala berjauhan bukan alasan untuk tersungkur di persimpangan kehidupan. Hanya ilmu pengetahuan sahaja yang mampu mendamaikan hati dan melengkapkan diri seseorang di dunia dan di akhirat.

Seindah tawa teman yang diingati Arina binti Md. Saat dan semua kawan-kawan seperjuangan yang sering memberikan perangsang dan nasihat dalam menjayakan latihan ini. Seukir senyuman buat mereka yang terlibat, secara langsung atau tidak langsung selama kajian ini dijalankan termasuklah Encik Hisyam bin Idris. Semoga Allah membalas jasa baik bagi mereka yang telah membuat kebajikan terhadap diriku ini. Amin.

Sekian terima kasih.

Narul Zatul Akmar binti Dagang,  
260, Felda Jerangau Barat,  
21820, Ajil, Terengganu.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti penulisan skrip merupakan faktor yang tidak boleh diketepikan dalam bidang perfileman. Selain itu meninjau pemikiran yang menjadi pokok persoalan atau tema yang dipengaruhi oleh sikap dan aspirasi penulis. Kaedah kajian yang dilakukan ialah analisa kandungan. Unsur kemanusiaan dan agama antara isu yang dikemukakan. Hasil kajian mendapati penulis skrip Habsah Hassan menyalurkan idea atau mesej menerusi penulisan.

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN	i
TAJUK	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
GAMBAR RAJAH TEMA	34
BAB 1           PENDAHULUAN	
1.1   Pengenalan	1
1.2   Latar Belakang Kajian	2
1.3   Pernyataan Masalah	8
1.4   Objektif Kajian	9
1.4.1   Memahami tema penulisan skrip oleh penulis skrip Habsah Hassan serta konsistensi dalam skrip <i>Soal Hati</i> , <i>Soalnya Siapa?</i> dan <i>Qaisy &amp; Laila</i> .	
1.4.2   Mengenal pasti mesej-mesej daripada penulis skrip dalam <i>Soal Hati</i> , <i>Soalnya Siapa?</i> dan <i>Qaisy &amp; Laila</i> .	
1.4.3   Meninjau persoalan-persoalan dalam penulisan yang cuba diketengahkan oleh penulis skrip Habsah Hassan menerusi skripnya.	